

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HSE 351 Sejarah Eropah Moden

. Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH [7] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Artikel pertama Perisytiharan Hak-Hak Manusia dan Warganegara berbunyi, manusia dilahirkan bebas dan kekal bebas dan mempunyai hak yang sama. Perbezaan sosial hanya boleh diwujudkan berdasarkan kemanfaatan umum.'

Apakah yang dimaksudkan oleh para penggubal Persytiharan 1789 ini dengan kata-kata di atas? Berikan jawapan anda dengan merujuk kepada peristiwa-peristiwa Revolusi Perancis.

2. Menurut G. Bruun, Napoleon adalah 'despot yang bijaksana' yang telah memberikan rakyat Perancis sesuatu yang mereka hajati: satu pemerintahan yang jitu, teratur dan licin. Sejauh manakah tepatnya pendapat ini? Huraikan.
3. Kegagalan Revolusi-revolusi 1848 sering dilihat oleh para sejarawan sebagai akibat daripada ketiadaan kata sepakat di antara golongan menengah dan bawahan. Berikan pendapat anda bersabit dengan isu ini.
4. Nilai keberkesanan Undang-Undang Anti-Sosialis tahun 1878 di dalam usaha Bismarck membentaras pengaruh Parti Demokratik Sosial di Jerman.

5. Pencetusan Revolusi Rusia umum dianggap sebagai berlandaskan aliran politik Marxis-Leninis. Berikan huraian anda tentang hal ini dan sekali gus bandingkan aliran ini dengan fahaman Marxis tradisional

6. Tentang dasar kolektivisasi Stalin, A. Nove menulis, '... tentu boleh diujahkan bahawa dari segi ekonominya Kolektivisasi bukan hanya tidak berperikemanusiaan tetapi juga kounter - produktif.' Pada hemat anda, wajarkah rumusan Nove ini?

7. Di dalam penulisannya tentang tragedi Yahudi ditangan Nazi, Dawidowicz telah menegaskan bahawa semasa seluruh Eropah terlantar kalah di bawah kuasa Hitler orang-orang Yahudi tidak dapat dipersalahkan tentang nasib yang mereka terima. Apa pendapat anda?

-oooOOOooo-